BERITA HARIAN
9/2/2017

# UniSZA wujudkan galeri pamer karya 'rendering' penuntut

**Kuala Nerus:** Univeristi Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bakal mewujudkan galeri bagi mempamerkan hasil karya terbaik penuntut Rekabentuk Perindustrian UniSZA (IDEC) yang dihasilkan melalui teknik 'dering'.

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniSZA, Profesor Dr Nik Wan Omar, berkata galeri berkenaan bertujuan mengetengahkan subjek 'teknik rendering' dan memperkenal program Rekabentuk Perindustrian kepada pihak luar.

Beliau berkata, ketika ini, sebanyak 101 hasil kerja penuntut dipamerkan di Perpustakaan UniSZA selama sebulan yang akan berakhir pada 28 Februari ini.

"Pameran ini juga memberi pendedahan kepada penuntut semester tiga Ijazah Sarjana Muda Rekabentuk Perindustrian dalam mengetengahkan bakat dan mempelajari cara mempersembah hasil karya mereka.

"Ini sekali gus membuka mata pemain industri terutama syarikat di dalam dan luar negara untuk melihat kebolehan pelajar kita," katanya kepada media selepas merasmikan program berkenaan di sini, baru-baru ini.

## Memiliki bakat besar

Yang turut hadir ialah Dekan Fakulti Rekabentuk dan Inovatif yang juga penasihat program, Prof Suleiman Mohd Salleh.

Sementara itu, Suleiman berkata, sebanyak 80 peratus graduan fakulti berkenaan mendapat tempat dalam industri reka bentuk selepas menamatkan pengajian.

"Penuntut UniSZA sememangnya mempunyai bakat yang cukup besar dalam bidang ini, malah ada yang sudah ditawarkan bekerja di syarikat pengiklanan di luar negara selepas hasil kerja mereka dilihat melalui laman sesawang.

"Selain itu, kebanyakan graduan juga ditawarkan bekerja di syarikat besar di dalam negara dan ada penuntut yang berjaya menjual hasil karya mereka walaupun masih menuntut," katanya.




**Dr Nik Wan (dua dari kiri)** *melihat karya yang dipamerkan.*